



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

04 OGOS 2021 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

04 OGOS 2021 (RABU)



Penularan COVID-19

Cadang kit ujian sendiri barangan harga terkawal

KPDNHEP
bincang dengan
pelbagai pihak
cari kaedah elak
bebankan rakyat

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bercadang menyenaraikan kit ujian sendiri COVID-19 sebagai barangan harga terkawal.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata harga kit ujian sendiri yang setiap satunya berharga RM39.90 -terlalu membebankan rakyat.

Katanya, perbincangan dengan pelbagai agensi lain termasuk Kementerian Kesihatan (KKM) akan dilakukan sebelum kit ujian sendiri itu disenaraikan sebagai barangan harga kawalan.

"Kita akan mengadakan perbincangan dengan pengeluar, pembekal dan peniaga terutama berkaitan harga ditawarkan.



Rosol melihat proses suntikan vaksin kepada penduduk FELDA Bukit Bading pada Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di SK Bukit Bading, Ajil, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

"Kita akui harga kit ujian sendiri dijual membebankan pengguna dan kita akan mengadakan perbincangan terutama mencari kaedah penurunan harga," katanya kepada media selepas meeting Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK), di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Bading, Ajil, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Pasukan Petugas Khas Imunisasi

COVID-19 (CITF) Daerah Hulu Terengganu, Ahmad Azizi Zulkifli; Penylaras Vaksin Daerah Hulu Terengganu, Dr Nut Fauzani Md Arshad dan Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional negeri, Mohd Rosli Alias.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu meminta bahagian penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan bagi

mengelak wujudnya kit ujian sendiri tiruan.

Katanya, pegawai dan anggota penguat kuasa KPDNHEP sudah diminta melakukan pemeriksaan ketulenan kit ujian sendiri di semua farmasi dan klinik swasta di seluruh negara.

"KPDNHEP juga akan melakukan pemantauan penjualan kit ujian sendiri melalui dalam talian," katanya.

HARI :
TARIKH :
M/SURAT :

RABU
4/08/2021
8



KENDERAAN yang digunakan dalam Program Movak di Sekolah Kebangsaan Bukit Bading, Ajil, semalam.

Cadang kawal harga kit ujian sendiri

Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bercadang menyenaraikan kit ujian sendiri Covid-19 sebagai barangan harga terkawal.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, ketika ini RM39.90 yang ditetapkan bagi harga kit ujian sendiri berkenaan dianggap membebankan.

"Kita akan mengadakan perbincangan dengan pengeluar, pembekal dan peniaga termasuk agensi lain seperti Kementerian Kesihatan berhubung harga kit ini.

"Kita akui harga semasa membebankan pengguna dan kita akan berbincang, mencari kaedah menurunkan harga," katanya

ketika ditemui selepas meninjau Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (Movak) di Sekolah Kebangsaan Bukit Bading, Ajil di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perpaduan negara dan Integrasi Nasional negeri, Mohd Rosli Alias.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Hulu Terengganu itu berkata, bahagian penguatkuasaan KPDNHEP sudah diarah supaya melakukan pemeriksaan bagi mengelak wujudnya kit ujian sendiri tiruan.

"KPPDNHEP juga akan melakukan pemantauan penjualan kit ujian sendiri melalui dalam talian," katanya yang memberitahu pemeriksaan bagi memastikan hanya kit tulen berada di pasaran.



PENERIMA vaksin bersedia untuk disuntik ketika Program Movak di Sekolah Kebangsaan Bukit Bading, Ajil, semalam.

Kit ujian sendiri Covid-19 jadi barang kawalan

Bagi memastikan ia dijual dengan harga berpatutan

Oleh RAHAYU MUSTAFA

HULU TERENGGANU

Kerajaan akan menjadikan kit ujian sendiri Covid-19 sebagai barangan kawalan bagi memastikan ia dijual dengan harga berpatutan dan mampu dibeli oleh semua pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, buat masa sekarang pihaknya sedang berbincang dengan pengilang, pengimport dan penjual kit ujian sendiri itu.

“Kami dapat maklumat setiap satu kit ujian ini dijual dengan harga RM39.90, saya rasa ia akan membebaskan pengguna dan tidak ramai yang mampu beli.

“Jadi kami sedang bincang untuk dapatkan harga munasabah yang tidak rugikan peniaga dan tidak bebaskan pengguna dengan harapan semua orang mampu beli. Kami dalam proses menjadikan ia barang kawalan,” katanya di



FOTO: BERNAMA

Rosol (dua dari kanan) melihat proses suntikan vaksin Covid-19 kepada penduduk Felda Bukit Bading menerusi Program MOVAK di Sekolah Kebangsaan Felda Bukit Bading, Ajil pada Selasa.

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

sini pada Selasa.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata demikian kepada media selepas meninjau Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (Movak) Bas di Sekolah

Kebangsaan LKTP Felda Bukit Bading, Ajil di sini.

Felda Bukit Bading merupakan lokasi pertama Program Movak Bas di Hulu Terengganu dan seramai 360 penduduk kawasan itu menerima dos pertama vaksin Covid-19.

Program itu yang bertujuan memberi kemudahan vaksin kepada pen-

duduk di kawasan pedalaman akan bergerak ke enam lokasi lain iaitu Bukit Tadok, Tapah, Tok Randok, Getang, Kua dan Binjai Kertas dengan sasaran 3,500 penduduk bakal divaksin.

Rosol turut memaklumkan, selain memastikan harga dijual mampu milik, KPDNHEP juga kini bersedia dengan kemungkinan wujudnya jualan kit ujian sendiri Covid-19 tiruan dalam pasaran.

“Kami bimbang apabila kit ujian ini dijual, ada yang cuba jual yang tiruan, jadi tugas kami memastikan barang ini adalah tulen dan pengguna tidak ditipu,” kata beliau.

Kit ujian sendiri Covid-19 akan jadi barangan kawalan

HULU TERENGGANU – Kit ujian sendiri Covid-19 akan dijadikan sebagai barangan kawalan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, inisiatif tersebut bagi memastikan kit ujian sendiri Covid-19 dijual pada harga berpatutan dan mampu dibeli pengguna.

“Kita mendapat maklumat kit ujian sendiri Covid-19 itu dijual pada harga RM39.90 setiap satu.

“Ia dirasakan agak mahal dan kita risau ramai (pengguna) tidak mampu membelinya,” katanya ketika ditemui ketika memantau proses pemberian vaksin Covid-19 pada program Mobilisasi Vaksin Komuniti di Felda Bukit Banding, Ajil di sini semalam.

Seramai 360 penduduk kawasan tanah rancangan berkenaan menerima manfaat daripada program kelolaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Perpaduan Negara tersebut.

Rosol berkata, cadangan un-



HARGA kit ujian sendiri Covid-19 akan dijadikan barang kawalan bagi tidak membebankan pengguna.

tuk menjadikan kit ujian sendiri Covid-19 sebagai salah satu barangan kawalan juga bertujuan bagi membendung tindakan pihak tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan dengan menjual produk tiruan.

Jelas beliau, sebagai barang kawalan, pasukan penguat kuasa KPDNHEP boleh melakukan pemeriksaan dan pengawalan memastikan tiada manipulasi pendedaran produk kit ujian

kendiri Covid-19 tiruan di pasaran bagi memperdaya pengguna.

“Sehubungan itu, KPDNHEP akan mengadakan pertemuan dengan pihak pengimport, pengilang dan peruncit pada masa terdekat.

“Ia merupakan pendekatan advokasi mencapai kata sepakat harga kit ujian sendiri Covid-19 lebih berpatutan yang bukan sahaja menguntungkan pengguna, tetapi juga pengeluar,” katanya.



Ministry mulls **controlling** Covid test kit price

► Based on feedback, the cost is burdensome, especially to low-income groups and large families: Deputy minister

KUALA BERANG: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is considering a proposal to control the price of Covid-19 test kits.

Deputy Minister Datuk Rosol Wahid said that based on feedback from the public, the price of test kits is a burden, especially to low-income groups and families with many children.

"We were told that the price is RM39.90 each and not many can afford to buy it at that price. So, we are discussing the matter with manufacturers, importers and sellers to get it at a reasonable price that will not affect traders or burden the people.

"We hope the price will be affordable to everyone.

"Our role is also to make sure that the test kit is not fake. We are worried that some people are trying to produce fake goods."

He said this after visiting the Community Vaccine Mobilisation programme at SK Felda Bukit Bading. A total of 360 residents received their Covid-19 shots yesterday under the first programme held in the Hulu Terengganu district.

Rosol, who is Hulu Terengganu member of Parliament, said the vaccine mobilisation initiative would be held in stages in the district

namely at SK Bukit Tadok, SK Tapah, SK Tok Randok, SK Getang, SK Kua and SK Binjai Kertas with more than 3,500 residents expected to receive the jabs.

Rosol also said the ministry had conducted checks at 689,876 premises nationwide from May 13 last year until Monday to ensure compliance with standard operating procedures.

A total of 653 offences were detected, namely failing to check-in using the MySejahtera mobile application or register via logbooks (254 cases), carrying out unauthorised activities (127 cases), failing to provide one-metre physical distancing markers (56 cases), not wearing face masks (40 cases), not displaying the maximum number of customers allowed in the premises (18 cases), not complying with operating hours (four cases) and other offences (154 cases). - Bernama

Peniaga usah ambil kesempatan naikkan harga

Kuala Lumpur: Peningkatan permintaan kit ujian sendiri Covid-19 mungkin menyebabkan ada pihak mengambil kesempatan menaikkan harga.

Harga kit ujian sendiri wabak itu kini dijual pada harga antara RM35 hingga RM40 sekotak.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, peniaga digesa supaya tidak mengambil kesempatan menjual pada harga

yang membebankan pengguna.

Menurutnya, dalam suasana pandemik yang masih meruncing selain tekanan ekonomi peniaga perlu bersama membantu masyarakat dengan menjual kit pada harga yang kompetitif.

“Apabila permintaan sesuatu barangan meningkat pasti harga di pasaran

pasti akan turut naik.

“Dalam keadaan begini jangan terus mengambil kesempatan kerana ini adalah keperluan kesihatan untuk menangani Covid-19 dan membantu mengurangkan beban fasiliti kesihatan,” katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, peniaga perlu bersama membantu memastikan orang ramai mu-

dah menjalani ujian sendiri berbanding terpaksa mengeluarkan kos yang agak tinggi jika dibuat di klinik swasta.

Katanya, dengan adanya kit ujian sendiri ini juga beban fasiliti kesihatan awam boleh dikurangkan kerana ujian boleh dilakukan sendiri.

“Kerajaan juga perlu memantau penjualan kit ujian sendiri ini agar harga yang ditawarkan tidak membebani pengguna,” katanya.

Harga kit ujian sendiri dijual pada harga antara RM35 hingga RM40 sekotak

AMLATFPUAA dikuatkuasakan bendung penyelewengan LPG

PUTRAJAYA - Akta Pencegahan Perubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 dikuatkuasakan bagi membendung aktiviti penyelewengan pemindahan Gas Petroleum Cecair (LPG).

Pengaruh Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna... (KPDNHEP), Azman Adam berkata, penguatkuasaan akta tersebut merupakan tindakan tegas ter-

hadap pihak yang menjalankan aktiviti perdagangan tidak mengikut undang-undang dan memanipulasi keuntungan diperolehi hasil daripada aktiviti perdagangan tidak sah.

"Penguatkuasaan perubahan wang haram ini memfokuskan ke-pada kes-kes profil tinggi seperti perlindungan harta intelek, penyelewengan barang kawalan masak, melibatkan LPG, minyak masak, diesel dan petrol serta aktiviti jualan langsung atau skim piramid yang menyalaahi undang-undang," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, seiring dengan penguatkuasaan pencegahan perubahan wang haram, beberapa tindakan kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang berkaitan dengan kesalahan predikat di dalam Jadual Kedua AMLATFPUAA 2001 telah dihasilkan terhadap aktiviti *decanting* ke tong 50 kilogram (kg) (kegunaan industri) dan *in-gas* untuk kegunaan dapur *portable* 230 gram termasuk dua kes terbaharu melibatkan sitaan LPG di Seri Kembangan, Selangor dan Port Dickson, Negeri Sembilan.

"Hukuman ke atas mana-mana

orang yang melakukan kesalahan perubahan wang haram di bawah seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001 apabila disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh sehingga 15 tahun dan juga didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5,000,000, yang mana yang lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata, penguatkuasaan perubahan wang haram melibatkan penyelewengan barang kawalan bersubsidi LPG telah

menghasilkan sejumlah 16 kes dari tahun 2016 hingga 2021 dengan nilai pembekuan RM48,131,041.96, nilai pe-nyitaan RM21,474,456.05 dan seterusnya pelucuthakan hasil pengubahan wang haram bernilai RM1,154,432.43.

"KPDNHEP juga akan membuat penambahbaikan ke atas regim pelesenan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dalam usaha untuk mengekang penyelewengan LPG melibatkan aktiviti *decanting* daripada tong 14kg kepada tong 50kg (industri)," katanya.



**MASIH ADA JUAL
MINYAK MASAK
RM30.60 »7**

Peniaga ingkar arahan kerajaan, langgar harga siling RM29.70 bagi botol 5kg

Ada kedai letak harga minyak masak lepasi paras siling

Masih jual lebih RM30

PETALING JAYA - Segelintir peniaga di seluruh negara didapati masih ingkar dengan pematuhan harga siling minyak masak 5 kilogram (kg) pada harga RM29.70 sebotol yang berkuat kuasa 1 Ogos lalu.

Tinjauan *Kosmo!* di kedai-kedai di beberapa negeri mendapati, ada peniaga yang akur dengan harga siling RM29.70 itu, namun masih ada peniaga degil yang menjual beberapa jenama minyak dengan harga melebihi RM30.

Di **Johor Bahru**, masih ada peniaga yang menjual minyak masak melebihi harga siling dengan alasan bekalan itu adalah stok lama.

Harga yang masih dijual didapati antara RM29.79 hingga RM30.60 bergantung kepada jenama minyak botol berkenaan.

Seorang peniaga di Taman Sri Saujana, Kota Tinggi dekat sini yang mahu dikenali sebagai Ahmad, 40, memberi alasan, dia tidak mengetahui harga maksimum minyak masak selain memaklumkan bekalan adalah stok lama.

"Kami dapat bekalan dengan harga borong dengan harga lama, jadi kami nak tak nak, kena jual pada harga melebihi harga maksimum sebab nanti kami akan rugi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Di **Melaka**, terdapat peniaga



MINYAK masak kini menjadi barang kawalan apabila kerajaan menetapkan harga siling RM29.70 bagi botol 5kg.

masih menjual satu jenama minyak masak melebihi harga siling iaitu pada RM30.90 sehingga RM33.

Salah seorang pengguna, Nur Lliyana Zainis Zainal, 22, dari Bukit Katil di sini berkata, masih ada pasar raya yang tidak mematuhi harga siling dan pengguna masih tersepit dengan harga berkenaan.

"Kami terpaksa beli dengan harga lebih mahal kerana minyak pekot cepat habis," ujarnya.

Di **Pulau Pinang**, dua pasar raya besar di daerah Barat Daya dan Timur Laut di sini, masih menjual dua daripada lima jenama minyak masak botol 5kg di pasaran di bawah harga siling iaitu RM28.95 sebotol berbanding sebelum ini dijual pada RM30.90.

Bagaimanapun, masih terdapat satu jenama minyak masak sawit tulen dalam kemasan botol saiz sama dijual pada harga tinggi iaitu RM32.33 sebotol.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM6.49	• Cili Merah	RM8.99
• Daging Lembu Tempatan	RM34	• Kubis Bulat Tempatan	RM2.99
• Daging Lembu Import	RM25	• Tepung Gandum	RM2.25
• Telur Gred A	RM12		
• Ikan Kembung	RM15.90		
• Minyak Masak	RM6.50		
• Gula Pasir	RM2.85		
• Bawang Besar Holland	RM2.80		
• Bawang Putih	RM6.90		

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP